



info ipt

Universiti Malaysia Pahang (UMP)

Latar Belakang Institusi

Universiti Malaysia Pahang (UMP) dahulunya dikenali sebagai Kolej Universiti Kejuruteraan & Teknologi Malaysia (KUKTEM). Ianya telah ditubuhkan oleh kerajaan Malaysia pada 16 Februari 2002. UMP adalah sebuah Universiti Teknikal yang berteraskan kompetensi dengan pengkhususan dalam bidang Kejuruteraan dan Teknologi.

UMP terletak di negeri Pahang Darul Makmur, yang merupakan negeri terbesar di Semenanjung Malaysia dan mempunyai kawasan hujan tropika yang luas dan dianugerahkan dengan pelbagai sumber asli dan biodiversiti. UMP memberi penumpuan dalam dua bidang utama iaitu Industri Kimia, Petrokima dan Bioteknologi serta Industri Automotif dan Pembuatan.

Pada masa ini, UMP beroperasi di Bandar Gambang, kira-kira 30 kilometer daripada ibu negeri Pahang, Kuantan. Ia dihubungkan oleh Lebuhraya Pantai Timur. Perjalanan ke universiti ini dari Kuala Lumpur menggunakan kenderaan hanya mengambil masa dua jam setengah. Kampus sementara UMP yang berkeluasan 54.1 ekar dapat menampung kira-kira 5,000 orang pelajar. Kampus Tetap UMP yang terletak di Kuala Pahang, Pekan, Pahang masih dalam proses pembinaan. Fasa pertama kampus tetap tersebut dijangka akan siap dan sedia untuk diduduki pada tahun 2009. Apabila siap sepenuhnya nanti, kampus tersebut yang berkeluasan 1,842.4 ekar mampu menampung seramai 10,000 orang pelajar dan 2,000 staf.

Mengapa anda harus memilih UMP/Keunikan UMP

UMP menawarkan program-program pendidikan dalam bidang Kejuruteraan dan Teknologi yang menitikberatkan latihan praktikal, di samping ilmu pengetahuan. Kurikulum berorientasikan aplikasi yang mengintegrasikan teori dan amali di dalam konsep 'teaching factory'.